



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Bilangan 16/2022**

**CADANGAN PEMANTAUAN TERHADAP PEMINDAHAN SAHAM SESEBUAH  
SYARIKAT MELAYU YANG MEMILIKI ATAU MEMEGANG KEPENTINGAN KE  
ATAS TANAH RIZAB MELAYU ATAU PEGANGAN MELAYU KEPADA PEMILIK  
BUKAN MELAYU SERTA TINDAKAN SUSULAN OLEH PENDAFTAR ATAU  
PENTADBIR TANAH**

---

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Putrajaya  
2022**

## © Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2022

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

### Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 16/2022
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	<a href="mailto:bdk@jkptg.gov.my">bdk@jkptg.gov.my</a>
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

### Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

## **PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 16/2022**

### **Cadangan Pemantauan Terhadap Pemindahan Saham Sesebuah Syarikat Melayu Yang Memiliki Atau Memegang Kepentingan Ke Atas Tanah Rizab Melayu Atau Pegangan Melayu Kepada Pemilik Bukan Melayu Serta Tindakan Susulan Oleh Pendaftar Atau Pentadbir Tanah**

#### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati semua Pendaftar atau Pentadbir Tanah berhubung cadangan pemantauan terhadap pemindahan saham sesebuah syarikat Melayu yang memiliki atau memegang kepentingan ke atas Tanah Rizab Melayu atau Pegangan Melayu kepada pemilik bukan Melayu serta tindakan susulan yang perlu diambil.

#### **PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

2. Fasal 6 Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan memberi tafsiran "tanah simpanan Melayu" ertinya tanah yang disimpan untuk diberi hakmilik kepada orang Melayu atau kepada anak negeri bagi Negeri tempat terletak tanah itu dan "orang Melayu" termasuklah mana-mana orang yang, di bawah undang-undang Negeri tempat dia bermastautin, dikira sebagai orang Melayu bagi maksud perizaban tanah.

3. Enakmen Rizab Melayu (ERM) di negeri-negeri yang dahulunya Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan) dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (Johor, Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis) serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberikan tafsiran Melayu dan pemegangan Melayu di bawah konteks Tanah Rizab Melayu dan Pegangan Melayu. Setiap enakmen mempunyai jadual atau kaedah tertentu bagi entiti-entiti yang bukan ditafsirkan sebagai Melayu di bawah ERM Negeri masing-masing yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk memiliki atau memegang kepentingan seperti gadaian atau pajakan bagi Tanah-tanah Rizab Melayu atau Pegangan Melayu.

4. Syarikat Melayu yang diberi kebenaran untuk memegang tanah rizab Melayu tidak perlu disenaraikan dalam Jadual Ketiga atau mengikut Jadual yang dinyatakan dalam ERM negeri-negeri kerana tidak memerlukan kebenaran khas daripada Raja dalam Mesyuarat (*Ruler in Council*). Walau bagaimanapun, terdapat larangan pemberian hakmilik tanah rizab Melayu kepada seorang yang bukan Melayu dibawah seksyen 7 ERM di mana sekiranya dilakukan merupakan satu kesalahan di bawah enakmen tersebut. Sekiranya tiada kebenaran diberikan atau pengecualian diperuntukkan untuk tanah rizab Melayu dipegang oleh syarikat yang dimiliki oleh

orang bukan Melayu maka sebarang transaksi yang dijalankan adalah bertentangan dengan seksyen 7 ERM dan dianggap sebagai transaksi yang tidak sah menurut seksyen 19 ERM.

5. Syarikat yang tersenarai dalam Jadual Ketiga ERM atau mengikut Jadual yang dinyatakan dalam ERM negeri-negeri adalah syarikat yang diberikan pengecualian untuk memegang tanah atau kepentingan rizab Melayu dengan mendapatkan kebenaran khas daripada *Ruler in Council* sebagaimana yang diperuntukkan dalam ERM di negeri masing-masing. Syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga atau mengikut Jadual yang dinyatakan dalam ERM negeri-negeri adalah entiti yang diberikan kebenaran khas untuk memegang tanah rizab Melayu. Ini kerana bagi membolehkan bukan Melayu memegang tanah rizab Melayu, kebenaran perlu diperolehi dari *Ruler in Council* terlebih dahulu. Syarikat bukan Melayu yang telah diberikan pengecualian dan kelulusan untuk memegang tanah atau kepentingan tanah rizab Melayu perlu dimasukkan di dalam Jadual Ketiga atau Jadual yang dinyatakan dalam Enakmen Rizab negeri masing-masing sebagai punca kuasa kepada pemegangannya.

6. Berlaku situasi dimana syarikat-syarikat yang tersenarai dalam Jadual Ketiga ERM atau Jadual yang dinyatakan dalam ERM negeri-negeri mengambil keputusan menjual saham syarikat kepada individu bukan Melayu dan berlaku pemindahan pemegangan saham. Pemindahan pemegangan saham ini tidak melibatkan pertukaran nama syarikat. Syarikat yang tersenarai dalam Jadual selagi mana tidak dikeluarkan dari Jadual kekal sebagai syarikat yang mendapat kebenaran khas dari *Ruler in Council* untuk memegang tanah rizab Melayu.

7. Fasal 1A Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:-

*“Apa-apa undang-undang yang dibuat di bawah Fasal (1) yang membuat peruntukan bagi pelucuthakan atau pengembalian kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), atau bagi pelucutan, pemunyaan mana-mana tanah simpanan Melayu, atau apa-apa hak atau kepentingan mengenainya, disebabkan mana-mana orang atau mana-mana perbadanan, syarikat atau badan lain (sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan) yang memegangnya tidak lagi layak atau berwibawa di bawah undang-undang yang berkaitan yang berhubung dengan tanah simpanan Melayu untuk memegangnya, tidaklah menjadi tidak sah atas alasan ketidakselarasan dengan Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan.”*

Peruntukan ini merupakan punca kuasa yang boleh digunakan untuk membuat undang-undang berhubung tanah rizab Melayu termasuk menyediakan peruntukan pemboleh pelucuthakan tanah rizab Melayu dari syarikat-syarikat yang bukan lagi dimiliki oleh orang Melayu. PBN boleh melaksanakan penambahbaikan ERM masing-masing untuk mengubal peruntukan pemboleh ini bagi tujuan pengawasan

tanah-tanah yang dimiliki atau dipegang oleh mana-mana syarikat yang tidak mengikuti tafsiran dan kriteria Melayu dalam ERM masing-masing.

8. Perubahan butiran pemegangan saham syarikat, ahli lembaga pengarah syarikat dan alamat syarikat dilaksanakan di bawah Akta Syarikat 2016 (Akta 777) melalui permohonan yang dihantar kepada pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Akta 777 tidak memperuntukkan obligasi kepada SSM atau pemilik syarikat untuk memaklumkan perubahan ini kepada pihak Pendaftar atau Pentadbir Tanah. Keadaan ini menimbulkan isu mengenai pemegangan tanah-tanah Rizab Melayu atau Pegangan Melayu oleh syarikat-syarikat yang telah berlaku perubahan saham atau ahli lembaga pengarah yang tidak ditafsirkan sebagai Melayu walaupun nama syarikat dalam Jadual Ketiga atau Jadual yang dinyatakan dalam ERM negeri-negeri tidak berubah. Perkara ini lazimnya hanya diketahui oleh Pendaftar atau Pentadbir Tanah apabila syarikat-syarikat tersebut ingin melaksanakan urusan niaga berkaitan tanah-tanah rizab Melayu yang dipegang oleh syarikat.

9. Tanggungjawab Pentadbir Tanah untuk menasihati PBN bagi menggugurkan nama syarikat sebelum tindakan pelucuthakan merupakan polisi pentadbiran tanah di negeri masing-masing. Pendaftar dan Pentadbir Tanah hanya dapat menghalang apa-apa urusan niaga daripada dilaksanakan kerana syarikat tidak layak memegang tanah Rizab Melayu. Namun begitu tindakan penguatkuasaan menerusi pelucuthakan tanah tidak dapat dilaksanakan bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai peruntukan pemboleh. Buat masa ini hanya ERM Negeri Terengganu melalui peruntukan seksyen 21A-21F dan ERM Negeri Selangor melalui peruntukan seksyen 19A-19E memberikan kuasa supaya tanah-tanah tersebut boleh dilucuthak dan diletakhak atas PBN selaras dengan Fasal 1A Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan.

#### **TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL PENTADBIRAN TANAH NEGERI**

10. Rekod-rekod berkaitan syarikat-syarikat yang memiliki Tanah Rizab Melayu atau Pegangan Melayu perlu dikemaskini dari semasa ke semasa. Pendaftar atau Pentadbir Tanah dinasihatkan untuk melaksanakan aktiviti pengemaskinian senarai syarikat Melayu dan syarikat dalam Jadual-jadual ERM masing-masing sekurang-kurangnya sekali setahun. Maklumat mengenai pemegang saham syarikat, ahli lembaga pengarah syarikat dan alamat syarikat boleh diperolehi daripada SSM melalui semakan profil syarikat dalam sistem SSM yang mempunyai elemen e-carian. Bagi tujuan carian tersebut, pihak Pentadbiran Tanah Negeri boleh mendaftar melalui sistem dan setiap carian dikenakan caj mengikut jadual fi di bawah Akta 777 yang tidak dikecualikan kepada Pentadbiran Tanah Negeri.


11. Pengemaskinian ini akan membolehkan Pendaftar atau Pentadbir Tanah mengemaskini kedudukan syarikat-syarikat Melayu serta syarikat yang tersenarai di bawah Jadual dalam ERM Negeri masing-masing atau mencadangkan kepada PBN

untuk menghalang apa-apa syarikat Melayu yang telah hilang status Melayu daripada melaksanakan urusan bagi Tanah Rizab Melayu. Bagi syarikat-syarikat yang tersenarai dalam Jadual ERM Negeri masing-masing yang mengalami perubahan saham perlu mendapatkan kelulusan baharu untuk terus kekal dalam Jadual-jadual tersebut. Tindakan-tindakan ini walau bagaimanapun perlu mendapat pandangan daripada Penasihat Undang-undang Negeri masing-masing.

12. Bagi membantu Pentadbiran Tanah Negeri dalam jangka masa yang panjang, adalah dinasihati supaya kajian dan cadangan pindaan kepada ERM Negeri masing-masing dilaksanakan bagi menyediakan peruntukan pemboleh untuk PBN melucuthak tanah-tanah rizab Melayu yang dipegang oleh syarikat-syarikat yang tidak lagi memenuhi tafsiran sebagai Syarikat Melayu di bawah ketetapan ERM Negeri masing-masing. Contoh peruntukan pemboleh yang dimaksudkan adalah seperti seksyen 21A-21F dalam ERM Negeri Terengganu atau seksyen 19A-19E ERM Negeri Selangor.

### **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA**

13. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri serta berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



**(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail : JKPTG.BDK.100-1/3/1

Tarikh : 8.8.2022